

002-Teori Hifz Al-Nafs dalam Islam: Analisis Pendalilan
*The Theory Of Hifz Al-Nafs In Islam: An Argumentative Analysis****Muhammad Mustaqim Bin Roslan**

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

*E-mel: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Anwar Bin Osman Zainuri

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Email: anwar.osmanzainuri@usas.edu.my

ABSTRAK

Hifz al-Nafs bukan satu istilah yang janggal dalam Maqasid Syariah. Ia sering diertikan sebagai Menjaga Nyawa bagi kalangan ahli Fiqh dan Usul apabila dikaitkan dengan hukuman Qisas. Namun begitu, terma al-Nafs dan kata jamaknya al-Anfus yang terdapat di dalam al-Quran sebanyak 266 kali membawa pengertian yang begitu luas. Pemahaman umat Islam terhadap istilah Hifz al-Nafs dengan mengecilkan maksud penggunaannya hanya kepada Menjaga Nyawa mengundang kekeliruan sehingga menjadikan mereka begitu sempit dalam memahaminya. Oleh yang demikian, artikel ini mengetengahkan objektif utama iaitu menganalisis teori Hifz al-Nafs dari sudut pendalilannya melalui surah-surah pilihan di dalam al-Quran. Ia bertujuan agar pengertian Hifz al-Nafs itu dapat dianalisis maksudnya dengan lebih mendalam dari sumber utama umat Islam. Falsafah di sebalik artikel ini ialah interpretif dan menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasikan reka bentuk kajian. Kaedah pengumpulan dan analisis data ialah analisis kandungan dokumen dengan menganalisis sampel utama daripada peruntukan dalam al-Quran yang berkaitan dengan al-Nafs. Ia dijadikan sebagai data primer dalam kajian ini kerana data tersebut adalah daripada sumber langsung, berautoriti dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pandangan atau pendapat individu. Selain itu juga, data sekunder bagi kajian ini ialah perbahasan yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir, buku-buku akademik, jurnal dan kajian ilmiah lepas digunakan dalam artikel ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pendalilan Hifz al-Nafs yang dianalisis pengkaji adalah merujuk kepada 'menjaga jiwa' dari dimensi rohani. Pengkaji turut mendapati bahawa dimensi rohani dalam penjagaan jiwa ini adalah berfokus untuk 'memperoleh keteguhan iman' dan 'demi kelangsungan hidup'. Ini bererti bahawa menjaga rohani dalam jiwa manusia itu adalah penting agar diri manusia itu tidak terdorong untuk melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan diri dan nyawa. Ia juga adalah tidak selari dengan teori Hifz al-Nafs seperti yang diinginkan oleh syarak.

Kata kunci: Hifz al-Nafs, jiwa, pendalilan, rohani, teori.



ABSTRACT

Hifz al-Nafs is not an awkward term in Maqasid Syariah. It is often interpreted as preserving life for Fiqh and Usul scholars when linked to Qisas punishment. Nevertheless, the term al-Nafs, the plural being al-Anfus found in the Quran 266 times which carries a broad meaning. The Muslims' understanding of the term Hifz al-Nafs by specifying the meaning only to preserving life causes confusion in understanding it. Therefore, the article main objective is to analyze the theory of Hifz al-Nafs from the point of view of its reasoning through selected chapters in the Qur'an for the meaning of Hifz al-Nafs analyzed more thoroughly. The article is interpretive and uses a qualitative approach in research design. The method of data collection and analysis is document content analysis by analyzing the main samples from provisions in the Qur'an related to al-Nafs. It is used as primary data in this study as the data is from a direct, authoritative source and is not influenced by any individual view or opinion. In addition, the secondary data for this study is the discussions found in books of tafsir, academic writings, journals and past scientific studies. The findings show that the discussion of Hifz al-Nafs analyzed by the researcher refers to 'guarding the soul' from spiritual perspective. The researcher also found that the spiritual dimension in preserving soul is focused on 'gaining firmness of faith' and 'for the sake of survival'. This means that taking care spiritually of the human soul is important so that it would not be motivated to do harmful things to oneself and life, which is also not in line with the theory of Hifz al-Nafs as intended in shariah.

Keywords: Hifz al-Nafs, soul, argumentation, spiritual, theory.

PENGENALAN

Hifz al-Nafs merupakan salah satu cabang daripada cabang-cabang dharuriyyat dalam Maqasid Syariah. Perkataan Hifz bererti menjaga (Munawwir, 1996, hlm. 279 & 1446) dan perkataan al-Nafs pula bermaksud roh, jasad, darah, saudara dan di sisi (Ibn Manzur, 2012). Ia sering diertikan oleh para fuqaha sebagai Menjaga Nyawa bersesuaian dengan kehendak syarak dalam hukuman Qisas dan Diyat. Diperundangan hukuman Qisas adalah untuk menjaga nyawa daripada hilang, menjaga keselamatan diri daripada dicabuli, menggerunkan orang yang bercita-cita untuk melakukan jenayah bunuh atau cedera dan menghalang orang yang pernah melakukannya agar tidak mengulanginya. Ini adalah hikmah umum dan maslahat jelas yang dipelihara oleh syarak (Al-Juwayni, 2003, hlm. 95).

Namun begitu, terma Hifz al-Nafs itu sendiri tidak dijelaskan secara qat'i di dalam al-Quran dan Sunnah. Menurut Abu Rayya, terma al-Nafs dan kata jamaknya al-Anfus muncul sebanyak 266 kali dalam al-Quran (Abu Rayya, 2012). Kesemua dalil-dalil yang terdapat di dalam al-Quran berkaitan terma ini tidak semuanya membawa penjelasan Menjaga Nyawa secara qat'i. Atas sebab itu, kebanyakan ilmuwan Islam tidak selari memberikan pandangan dalam mentakrifkan Hifz al-Nafs bahkan mereka menterjemahkan Hifz al-Nafs itu pada sudut pandang yang berbeza.



Sebagai contohnya, Ahmad Raysuni menjelaskan bahawa al-Shatibi pernah mentakrifkan Hifz al-Nafs itu ialah pemeliharaan hidup yang boleh dicapai dengan tiga cara iaitu mewujudkan asas kekeluargaan melalui perkahwinan yang sah, memastikan kelangsungan hidup melalui makanan dan minuman yang halal dan suci dan menyediakan pakaian dan tempat (Raysuni, 1995). Al-Ghazzali pula menjelaskan bahawa Hifz al-Nafs itu bermaksud memelihara kehidupan manusia melalui peruntukan undang-undang dan hukuman yang boleh menjamin hak hidup manusia (al-Ghazzali, 1997). Ini jelas menunjukkan bahawa takrifan mereka terhadap Hifz al-Nafs itu bukan hanya merujuk kepada Menjaga Nyawa semata-mata.

Oleh yang demikian, pengkaji menyelusuri beberapa dalil yang dipilih berkaitan dengan Hifz al-Nafs bagi mengenal pasti teori Hifz al-Nafs yang dimaksudkan di dalam al-Quran. Dalil-dalil ini diambil daripada literatur lepas sebagai sokongan pengkaji dalam membincangkan teori ini. Terdapat empat dalil di dalam al-Quran yang menjadi perbincangan pengkaji dan ia merupakan dalil-dalil yang dipilih pengkaji dengan sokongan kajian-kajian lepas berkaitan dengan Hifz al-Nafs. Dalil-dalil tersebut adalah dianalisis dari surah al-Nisa' ayat 66 dan 74, surah al-Rum ayat 21 dan surah al-Hujurat ayat 13. Oleh itu, secara khususnya artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu:

1. Apakah teori Hifz al-Nafs dari empat dalil yang telah dikenal pasti di dalam al-Quran?

SOROTAN DAN METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop Hifz al-Nafs bagi memperkukuhkan lagi perbincangan artikel ini. Pertamanya pengkaji mulakan dengan kajian (Mohamad, Hamjah, Mokhtar, & Ghani, 2017) bertajuk "*Tazkiyat al-Nafs dalam Kerangka Maqasid al-Shari'ah. Al-Hikmah*". Takziyyah al-Nafs ialah suatu proses pendidikan jiwa yang berpandukan Islam dalam bentuk penyucian dalaman dan perkembangan luaran supaya dapat mengekang kemahuan dan sifat buruk yang membawa kepada kerosakan kepada jiwa. Ia dilihat selari dengan salah satu perbahasan Maqasid Syariah iaitu Hifz al-Nafs. Oleh itu, kajian mereka bertujuan menjelaskan konsep Takziyyah al-Nafs seterusnya konsep Maqasid Syariah itu sendiri secara umum dan Hifz al-Nafs secara khusus bagi melihat keberadaan Takziyyah al-Nafs dalam kerangka Maqasid Syariah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa Takziyyah al-Nafs ialah salah satu cabang Maqasid Syariah yang terkandung dalam Hifz al-Nafs. Walaupun kajian ini membincangkan berkaitan Hifz al-Nafs, namun ia tidaklah berfokus kepada analisis pendalilan yang diketengahkan oleh penulis dalam artikel ini.

Menurut (Harun & Ali, 2021) dalam artikelnya berjudul "*Konsep Hifz an-Nafs (Pemeliharaan Nyawa) Berdasarkan Maqasid Syariah dalam Menghadapi Pandemik Covid-19*", konsep pemeliharaan nyawa (Hifz al-Nafs) adalah salah satu daripada lima konsep utama yang dihuraikan oleh ulama dalam kerangka Maqasid Syariah. Menjaga nyawa sangat penting kerana ianya perlu bagi memastikan manusia dapat meneruskan kehidupan dan melaksanakan amanah pengabdian kepada Allah apatah lagi ketika menghadapi ujian yang besar seperti pandemik virus Covid-19. Namun ada di kalangan masyarakat yang tidak



mengambil berat persoalan menjaga nyawa terutama apabila isu Covid-19 ini berlaku. Usaha yang digerakkan oleh pihak berkuasa seperti kempen penjarakan sosial (social distance) dan kempen duduk di rumah (stay at home) bagi sesetengah pihak diambil sambil lewa. Artikel mereka bertujuan menghuraikan konsep Hifz al-Nafs (menjaga nyawa) menurut Islam dalam menghadapi cabaran virus Covid-19. Beberapa hujah dan pandangan tentang kempen yang digerakkan oleh pihak berkuasa menepati prinsip Islam berdasarkan objektif Syariah. Artikel ini berteraskan penelitian perpustakaan dengan menganalisis pandangan ulama dan hujah primer melalui al-Quran dan Sunnah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kempen yang digerakkan oleh pihak berkuasa melalui penjarakan fizikal terutama semasa sembahyang berjemaah, pemakaian pelitup muka adalah menepati Maqasid Syariah iaitu bertujuan memelihara nyawa daripada kemudaratan yang lebih besar. Kajian ini jelas berfokus kepada pengaplikasian maqasid al-nafs dalam menghadapi cabaran Covid-19 dan ia jauh berbeza dengan artikel penulis kerana ia berkait rapat dengan analisis dalil Hifz al-Nafs itu sendiri (Thaidi, Rahman, Rahman, & Mansor, 2021) dalam artikelnya bertajuk ***“Pencapaian Maqasid Hifz al-Nafs Ketika Pandemik ke Arah Merealisasikan WKB 2030”*** telah menggariskan beberapa objektif antaranya untuk menstruktur semula ekonomi yang progresif, menangani jurang ekonomi antara masyarakat dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu dan makmur. Namun dengan berlakunya pandemik COVID-19 yang mengancam nyawa telah sedikit sebanyak mengganggu usaha merealisasikan objektif WKB 2030. Islam telah menggariskan konsep Hifz al-Nafs yang perlu dicapai bagi memelihara nyawa manusia. Walau bagaimanapun, masih tidak jelas bagaimanakah pencapaian Hifz al-Nafs dapat dilakukan ketika berlakunya bencana pandemik. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kaedah bagi melaksanakan Hifz al-Nafs dalam konteks pandemik. Kaedah metodologi kepustakaan, induktif dan deduktif digunakan secara konsisten. Hasil kajian menunjukkan bahawa Hifz al-Nafs boleh dilaksanakan dan dicapai melalui konsep wasilah mengikut isu, konteks dan realiti yang spesifik. Kajian ini mencadangkan tiga wasilah utama untuk mencapai Hifz al-Nafs dalam pandemik. Ia turut berfokus kepada pengaplikasian maqasid al-nafs dalam cabaran menghadapi pandemik Covid-19 dan tidaklah membincangkan secara khusus tentang analisis pendalilannya.

Selain daripada artikel-artikel lepas yang telah disoroti pengkaji, perincian berkaitan dengan metodologi kajian dalam menyelesaikan artikel ini turut dihuraikan agar hasil dapatan mencapai objektif dan persoalan kajian. Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana sebuah kajian itu ingin dijalankan dengan menghasilkan dapatan yang berkualiti untuk dimanfaatkan bersama (Adibah & Zubaidah, 2018). Oleh itu, pengkaji telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang telah digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah tertentu daripada tiga aspek penting iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

Menurut Creswell (2009), reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metode kajian. Oleh itu, falsafah di sebalik kajian pengkaji ini adalah interpretif iaitu berupaya untuk menjelaskan, memahami dan menafsirkan suatu makna dan simbol yang dimunculkan oleh responden dalam satu-satu realiti sosial yang dikaji (Rosalina, 2017). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian.



Menurut Miles dan Huberman (1994), kajian kualitatif ialah satu reka bentuk kajian yang berasaskan kepada *by word and picture* atau satu kajian yang dibuat menggunakan huraian dan pelaporan secara *verbatim* (ayat demi ayat atau frasa demi frasa) tanpa sebarang cerapan statistik.

Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data pula pengkaji telah mengadaptasikan kaedah analisis kandungan dokumen dalam artikel ini. Menurut Creswell, proses analisis data ini juga turut merupakan salah satu teknik khusus bagi kajian kualitatif (Creswell, 2009). Adapun sampel yang digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis teori Hifz al-Nafs ini adalah empat dalil yang diambil daripada nas utama umat Islam iaitu al-Quran al-Karim. Keempat-empat dalil ini disokong oleh literatur terdahulu yang mempunyai terma al-Nafs mahupun al-Anfus di dalamnya. Dalil-dalil tersebut ialah daripada surah al-Nisa' ayat 66 dan 74, surah al-Rum ayat 21 dan surah al-Hujurat ayat 13.

ANALISIS SURAH AL-NISA' AYAT 66

Teori Hifz al-Nafs ini dianalisis pengkaji di dalam surah al-Nisa' ayat 66 yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya kalau kami perintahkan kepada mereka: Bunuhlah dirimu atau keluarlah kamu dari kampungmu, nescaya mereka tidak akan melakukannya, kecuali sebahagian kecil dari mereka. Dan sesungguhnya jika mereka melaksanakan perintah yang diberikan kepada mereka, tentulah hal yang demikian itu lebih baik bagi mereka dan lebih menguatkan (iman mereka)".

(Q.S. Al-Nisa: 4: 66)

Menurut Wahbah al-Zuhayli, Allah menyatakan bahawa sebahagian besar manusia apabila dilarang melakukan sesuatu, justeru dia melanggarnya kerana manusia mempunyai sifat buruk iaitu cenderung melanggar peraturan. Kebiasaan manusia ini sudah diketahui oleh Allah. Seandainya Allah mewajibkan kepada manusia itu untuk membunuh diri mereka sendiri sebagaimana yang diperintahkan kepada Bani Isra'il kerana mereka melakukan dosa menyembah anak lembu, nescaya kebanyakan manusia tidak mahu melakukannya. Begitu juga apabila Allah memerintahkan manusia untuk keluar dari negaranya dan berhijrah ke negara lain demi memperjuangkan agama Allah, orang yang mahu melaksanakan perintah tersebut hanya sedikit. Seandainya mereka mahu mematuhi perintah dan larangan (yang tentunya ada sebab, alasan, hikmah, janji dan ancaman sebaliknya), sesungguhnya kepatuhan mereka itu lebih baik untuk diri mereka dan akan menambah kuat keimanan mereka (al-Zuhayli, 2013, hlm. 154-155).

Lafaz "bunuh" dalam hal ini diharuskan dengan tujuan yang jelas untuk menyelamatkan diri dari fitnah kaum musyrikin, menyelamatkan anak-anak (keturunan) dari pengaruh supaya tidak beriman (kafir) atau mempengaruhi agar terbiasa dengan tidak beriman atau jahl al-iman (Ibn 'Ashur, 1984). Islam mengizinkan berperang dengan salah satu tujuannya menjamin kemerdekaan bertanah air. Di dalam konteks ini, setiap muslim diwajibkan berperang bukan supaya jiwa patriotiknya hilang tetapi mempertahankan patriotisme itu sendiri (Rahayu, 2021).



Ulama turut berpendapat bahawa lafaz “mereka” dalam ayat ini adalah untuk menunjukkan kepada orang-orang munafik, tetapi ada yang memahami ayat tersebut ditujukan kepada umum. Walaubagaimanapun, yang jelas adalah agama Islam itu tidak membebankan manusia dengan beban yang tidak boleh dipikul (Shihab, 2001). Pentafsiran dari ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah memberikan khabar bahawa kebanyakan manusia sesungguhnya mereka saat diperintahkan perihal yang sukar akan meninggalkannya kerana watak manusia melanggar aturan (Daraini, 2019).

Merujuk kepada dalil ini, teori Hifz al-Nafs tidaklah begitu jelas yang ingin Allah sampaikan dalam ayat ini. Ini adalah kerana ayat tersebut menganjurkan sendiri untuk hambanya mengorbankan nyawa mereka sebagai bukti beriman kepada tuhan. Namun begitu, maksud tersirat yang ingin Allah sampaikan adalah sebaliknya. Jika benar mereka adalah beriman kepada Allah yang esa dan tidak memohon daripada selain Allah, Allah menguji untuk membunuh diri mereka dan meminta mereka keluar dari rumah mereka. Sesungguhnya Allah menguji jiwa-jiwa manusia untuk melihat sejauh manakah kekuatan iman mereka samada mereka ini benar-benar beriman dengan ayat Allah ataupun tidak. Sekiranya terdapat dikalangan hambanya yang berani menyahut seruan Allah ini, nescaya jiwa mereka adalah kukuh dengan keteguhan iman kerana Allah. Ini terbukti bahawa teori Hifz al-Nafs dari dimensi rohani itu bukan sekadar berada di tikar solat, berzikir dan melakukan perkara-perkara yang baik sahaja, bahkan ia juga dihadiri dengan ujian bagi menilai keteguhan iman seseorang. Sekiranya mereka dapat menempuh ujian ini, maka merekalah manusia yang menjaga jiwa dengan keteguhan iman seperti dijanjikan Allah dalam firmannya ini.

ANALISIS SURAH AL-NISA‘ AYAT 74

Seterusnya Teori Hifz al-Nafs dianalisis pengkaji dalam firman Allah yang bermaksud:

“Karena itu, hendaklah orang-orang yang menukar kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat, berperang di jalan Allah. Barangsiapa yang berperang di jalan Allah, lalu gugur atau memperoleh kemenangan, maka kelak akan kami berikan kepadanya pahala yang besar”.

(Q.S. Al-Nisa: 4: 74)

Menurut al-Tabari, Abu Ja’far berpandangan bahawa Allah menganjurkan kepada kaum mukmin untuk berjihad melawan musuhnya iaitu orang-orang kafir sekalipun dalam peperangan itu akan mendapatkan kemenangan atau kekalahan, serta perihal orang-orang munafik yang menganggap remeh orang-orang yang berperang berjihad melawan kaum musyrik. Menang atau kalah, kedudukan orang mukmin di sisi Allah, teramat tinggi (Al-Tabari, 2007, hlm. 324-327). Menurut Ibn Kathir, setiap orang yang berjuang di jalan Allah, baik terbunuh atau menang, maka ia akan memperoleh ganjaran yang besar dan pahala yang melimpah. Sebagaimana tercantum dalam kedua-dua kitab Sahih, bahawa Allah akan menjamin orang yang berjuang di jalannya. Jika ia diwafatkan, Allah akan memasukkannya ke dalam syurga atau dikembalikan ke kampung halamannya dengan memperoleh pahala dan ghanimah (pampasan perang) (Ibn Kathir, 2003, hlm. 351-353).



Ayat ini menjelaskan perilaku orang-orang yang lemah imannya dengan menunda-nunda dalam berperang di jalan Allah SWT. Kemudian Allah melalui ayat ini menyebut bahawa orang-orang seperti itu adalah orang yang menjual akhirat dengan dunianya (Rida, 2011). Dapatlah difahami juga bahawa pendefinisian ‘perang di jalan Allah’ sebagai perilaku perang yang didasari pada kepentingan akhirat dan diawali dengan membuang kepentingan peribadi duniawi. Dan hanya perang semacam ini yang kemudiannya mendapatkan pahala di sisi Allah (Widhiyogo, 2013). Jihad dalam erti perang suci atau perang di jalan Allah, merupakan salah satu tugas dan fungsi dakwah seperti tabligh, amar makruf dan nahi munkar, jihad juga merupakan kewajipan bagi kaum muslim terutama bagi para pendakwah (Qutub, 1984). Diperjelaskan juga oleh M. Quraish Shihab bahawa sesiapa yang berperang di jalan Allah dengan niat yang tulus kemudian gugur dikalahkan oleh musuh, atau menang (hidup selamat setelah mengalahkan musuh), maka kelak akan diberikan Allah pahala yang besar (Shihab, 2001).

Teori Hifz al-Nafs dalam ayat ini juga terdapat maksud tersirat yang mesti dirungkai agar konsep menjaga jiwa itu tidaklah disalahtafsirkan. Sekali lagi Allah menguji hambanya dalam ayat ini untuk melihat sejauh manakah hambanya memelihara jiwa dengan ujian-ujianya yang diberikan kepada mereka. Kali ini Allah menyeru hambanya untuk meninggalkan hal ehwal dunia dan berkejarlah kehidupan akhirat dengan berperang di jalan Allah. Sesungguhnya peperangan itu sudah pasti akan mengorbankan jiwa manusia dan ia seolah-olah menyimpang dengan teori Hifz al-Nafs itu sendiri. Namun kefahaman maksudnya itu adalah sebaliknya kerana itu ujian Allah buat hambanya untuk melihat sejauh manakah keteguhan iman mereka dalam melakukan perintah. Sekiranya terdapat dikalangan hambanya yang berani menyahut seruan Allah ini, nescaya jiwa mereka adalah kukuh dengan keteguhan iman kerana Allah. Ini terbukti bahawa teori Hifz al-Nafs dari dimensi rohani itu bukan sekadar berada di tikar solat, berzikir dan melakukan perkara-perkara yang baik sahaja, bahkan ia juga dihadiri dengan ujian bagi menilai keteguhan iman seseorang. Sekiranya mereka berani menyahut ujian ini, maka merekalah manusia yang menjaga jiwa dengan keteguhan iman seperti dijanjikan Allah dalam firmanya ini.

ANALISIS SURAH AL-RUM AYAT 21

Teori Hifz al-Nafs dianalisis pengkaji dalam surah al-Rum ayat 21 yang bermaksud:

“dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatnya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”.

(Q.S. Al-Rum: 30: 21)

Menurut al-Tabari, maksud ayat ini ialah di antara tanda-tanda kekuasaannya dan bukti-bukti kebesarannya iaitu dia ciptakan pasangan untuk kamu (Adam) dari dirinya agar Adam merasa tenteram kepadanya, iaitu dengan menciptakan Hawa dari salah satu tulang rusuk Adam



(Al-Tabari, Terjemahan Tafsir al-Thabari, 2007, hlm. 625-626). Menurut al-Qurtubi, *وجعل بينكم مودة ورحمة* (dan dijadikannya diantaramu rasa kasih dan sayang). Ibn ‘Abbas dan Mujahid berpandangan bahawa, al-Mawaddah adalah hubungan intim dan al-Rahmah adalah anak. Seperti ini juga pendapat yang dikatakan oleh Hasan. Ada yang mengatakan bahawa maksud al-Mawaddah dan al-Rahmah adalah kasih sayang dari hati mereka antara satu sama lain. Al-Suddi berpandangan, al-Mawaddah adalah cinta dan al-Rahmah adalah rasa sayang. Diriwayatkan juga daripada Ibn ‘Abbas tentang makna ayat ini, dia berpandangan, al-Mawaddah adalah cinta seorang lelaki kepada isterinya dan al-Rahmah adalah kasih sayangnya kepada isterinya bila dia terkena sesuatu yang buruk (Al-Qurtubi, 2008, hlm. 39-40).

Manusia diciptakan Allah berpasang-pasangan agar dapat saling menyayangi, saling menerima dan memberi antara satu sama dengan yang lainnya, untuk memperoleh ketenteraman jiwa dalam rangka menunjang penghambaan kepada Allah SWT (Ismatullah, 2018). Oleh itu ayat ini menerangkan salah satu tanda kekuasaan Allah iaitu kehidupan bersama antara lelaki dan perempuan dengan bentuk sebuah perkahwinan (Muti’atin Cholish, 2018). Pernikahan juga merupakan salah satu dimensi kehidupan yang bernilai ibadah ketika manusia telah dewasa, sihat jasmani serta rohaninya (Arma, 2018). Allah SWT menggunakan tiga istilah utama dalam membayangkan hakikat perkahwinan itu tenteram (sakinah) iaitu kata nama yang diambil dari rangkaian kata (*لتسكنوا*), rasa kasih sayang (mawaddah) dan belas kasihan (Zubaidah & Mat, 2016). Oleh yang demikianlah Allah menyeru kepada hambanya agar sentiasa membina keluarga dengan kehidupan yang Islamik sehingga tujuan sebuah keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmat dapat tercapai (Rosidin, 2018).

Merujuk kepada dalil ini, teori Hifz al-Nafs tidaklah begitu jelas dihuraikan oleh Allah dalam menjaga jiwa manusia. Namun begitu, sekiranya dipandang dari sudut yang berbeza di sana terdapat maksud tersirat yang ingin Allah sampaikan dalam ayatnya agung ini. Sesungguhnya teori Hifz al-Nafs dari dimensi rohani itu telah diselitkan sebalik tujuan Allah menyatukan pasangan manusia itu dari kalangan lelaki dan perempuan. Tujuan Allah mencipta pasangan hidup bagi manusia itu adalah untuk kesempurnaan hidupnya, agar benar-benar berasa tenang, tenteram dan damai (Masri, 2015). Allah telah menghadirkan rasa sayang di antara mereka agar jiwa mereka tenteram dalam meneruskan kehidupan di dunia ini. Walaupun Allah tidak menzahirkan tujuan mengapa disyariatkan perkahwinan antara manusia itu, namun ia jelas memberikan rahmat kasih sayang dalam kelangsungan hidup manusia. Sekiranya manusia itu tidak disatukan berpasang-pasangan, nescaya jiwa mereka tidak terjaga dan akhirnya mendorong mereka melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan jisim dan nyawa mereka. Oleh yang demikian, teori Hifz al-Nafs dari dimensi rohani ini menjaga kelangsungan hidup manusia agar jiwa mereka sentiasa terpelihara dalam meneruskan kehidupan.

SURAH AL-HUJURAT AYAT 13

Seterusnya teori Hifz al-Nafs turut digali maksud tersiratnya di dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:



“Wahai manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, kemudian kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”.

(Q.S. Al-Hujurat: 49: 13)

Menurut Wahbah al-Zuhayli, ada yang mengatakan ayat ini diturunkan adalah terkait dengan Thabit Ibn Qays Ibn Syammas. Saat seseorang menghina dengan menyebut-nyebut ibunya pada zaman Jahiliyah, Thabit menyembunyikan diri kerana malu. Lalu Allah pun menurunkan ayat ini. Ada yang mengatakan pula ayat ini turun terkait dengan Ikrimah Ibn Abu Jahal ketika ia datang ke Madinah sebagai seorang Muslim. Saat kaum Muslim melihat Ikrimah, mereka mengata-ngatai dirinya dengan Putra Firaun umat ini. Ia pun mengadakan hal tersebut kepada Rasulullah lalu turun ayat ini. Kesimpulannya tidak menutup kemungkinan kejadian-kejadian yang berlaku ini merupakan sebab turunnya ayat ini lebih dari satu (al-Zuhayli, Terjemahan Tafsir al-Munir, 2016, hlm. 475-476). Menurut Jalalayn, lafaz لَتَعَارَفُوا (supaya kalian saling mengenal) lafaz ta'arafu asalnya adalah tata'arafu, kemudian salah satu dari kedua huruf ta dibuang sehingga menjadi ta'arafu yang mana ia bermaksud supaya sebahagian dari kalian saling mengenal sebahagian yang lain bukan untuk saling membanggakan ketinggian nasab atau keturunan. Sesungguhnya kebanggaan itu hanya dinilai dari segi ketakwaan (Jalalayn, 2018, hlm. 895).

Ayat ini dengan tegas Allah menyampaikan bahawa penciptaan manusia dengan berbeza-beza suku, bangsa, dengan tujuan agar mereka saling mengenal dan juga agar manusia menyedari bahawa perbezaan itu adalah Sunnah Allah (Sari & Toriyono, 2022). Allah menyatakan bahawa semua manusia terlahir dari asal dan jiwa yang satu yakni Adam dan Hawa. Semua manusia sama kerana terlahir dari satu nasab, satu ibu dan bapa sehingga tidak seharusnya untuk berbangga dengan nasab dan tidak boleh pula menghina dan mencela (AM, 2015). Dalam prinsip persamaan, Islam tidak memperlakukan diskriminatif berdasarkan perbezaan suku, bangsa, kekayaan, status sosial, mahupun atribut dunia lain. Satu-satunya hal yang membuat manusia tidak sama oleh Allah S.W.T adalah nilai ketakwaan seseorang (Sulaeman, 2020). Para Mufasirin turut memberikan pengertian bahawa persatuan dan persaudaraan itu adalah cabang dari keimanan, sedangkan perpecahan adalah cabang dari kekufuran (Hadiyyin, 2013).

Teori Hifz al-Nafs dalam ayat ini turut tidak diperincikan maksudnya secara jelas. Namun, di sana terdapat maksud yang tersirat yang ingin Allah sampaikan tentang teori Hifz al-Nafs di sebalik ayat ini. Merujuk kepada ayat ini, Allah telah menciptakan manusia itu secara berpasang-pasangan, berbangsa-bangsa dan bersuku-suku kaum dalam masyarakat. Ia adalah dengan satu tujuan agar hambanya sentiasa saling kenal mengenali antara satu sama lain dan mengeratkan hubungan silaturahim. Namun begitu adalah tidak wajar seorang berbangga dan merasa diri lebih tinggi dari yang lain, bukan saja antara satu bangsa, suku, warna kulit dengan selainnya, yang antaranya untuk menegaskan bahawa semua manusia darjat kemanusiaan sama di sisi Allah, tidak ada perbezaan antara satu suku dengan yang lainnya (Asriadi, 2019).



Sesungguhnya manusia yang diciptakan berseorangan tanpa kenal-mengenal dan berhubung antara satu sama lain, nescaya akan mendatangkan mudharat kepada jiwa mereka. Barangkali mereka akan menghadapi tekanan jiwa tatkala masalah kehidupan itu tidak dapat diselesaikan seorang diri. Maka atas sebab itu, Allah ciptakan manusia ini agar saling kenal mengenal antara satu sama lain agar mereka dapat membantu sesama sendiri. Manusia yang hidup berseorangan tanpa menghiraukan masyarakat pasti menghadapi kesulitan dalam kehidupan mereka tatkala jiwa mereka tidak dipelihara dengan keharmonian masyarakat. Oleh yang demikian, teori Hifz al-Nafs dari dimensi rohani ini menjaga kelangsungan hidup manusia agar jiwa mereka sentiasa terpelihara dalam meneruskan kehidupan.

KESIMPULAN

Daripada keempat-empat dalil berkaitan dengan Hifz al-Nafs yang telah dianalisis, pengkaji dapat rumuskan bahawa teori Hifz al-Nafs itu adalah merujuk kepada menjaga jiwa yang berada di bawah dimensi rohani iaitu 'memperoleh keteguhan iman' dan 'demi kelangsungan hidup'. Ini terbukti bahawa teori Hifz al-Nafs dari dimensi rohani itu bukan sekadar berada di tikar solat, berzikir dan melakukan perkara-perkara yang baik sahaja, bahkan ia juga dihadiri dengan ujian bagi menilai keteguhan iman seseorang. Sekiranya mereka berani menempuh ujian ini, maka mereka adalah hamba yang menjaga jiwa dengan keteguhan iman. Selain itu juga, Allah ciptakan manusia itu saling kenal mengenali antara satu sama lain agar mereka dapat membantu sesama sendiri. Tambahan lagi, Allah menyatukan pasangan manusia itu dari kalangan lelaki dan perempuan adalah untuk kesempurnaan hidup mereka agar benar-benar berasa tenang, tenteram dan damai. Oleh yang demikian, teori Hifz al-Nafs dari dimensi rohani ini juga menjaga kelangsungan hidup manusia agar jiwa mereka sentiasa terpelihara dalam meneruskan kehidupan. Apabila rohani manusia itu terjaga, maka ia sekali gus memelihara diri manusia itu daripada melakukan perkara-perkara yang boleh meragut nyawa. Pengkaji mencadangkan agar artikel ini dapat diperluaskan lagi oleh pengkaji-pengkaji akan datang dengan melihat teori Hifz al-Nafs itu pada sudut pendalilan yang lain pula.

RUJUKAN

- Abu Rayya. (2012). Towards a Systematic Quranic Theory of Personality. *Mental Health, Religion & Culture*, 15(3), 217-233.
- Al-Ghazzali, M. I. (1997). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* (Jld. 1). Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Al-Juwayni. (2003). *Mughith al-Khalq fi Tarjih al-Qawl al-Haqq*. Beirut: Al-Matba'ah al-'Asriyyah.
- Al-Qurtubi. (2008). *Terjemahan Tafsir al-Qurthubi* (ed. Pertama, Jld. 14). (I. al-Hifnawi, Penterjemah) Pustaka Azzam.
- Al-Tabari. (2007). *Terjemahan Tafsir al-Thabari* (ed. Pertama, Jld. 7). (A. al-Bakri, Penterjemah) Pustaka Azzam.
- Al-Tabari. (2007). *Terjemahan Tafsir al-Thabari* (ed. Pertama, Jld. 20). (A. M. Syakir, Penterjemah) Pustaka Azzam.



- Al-Zuhayli, W. (2013). *Terjemahan Tafsir al-Munir* (ed. Kedua, Jld. 3). (A. H. al-Kattani, Penterjemah) Jakarta: Germa Insani.
- Al-Zuhayli, W. (2016). *Terjemahan Tafsir al-Munir* (ed. Pertama, Jld. 13). (A. H. al-Kattani, Penterjemah) Gema Insani.
- AM, M. (2015). Refleksi Penciptaan Manusia Berbangsa-bangsa dan Bersuku-suku (Telaah Surah al-Hujurat Ayat 13). *Jurnal Studia Insania*, 3(1).
- Arma, M. (2018). *Fungsi Interpretasi dalam Ayat-ayat tentang Keluarga (Studi Tafsir at-Tabari dan Tafsir al-Misbah)*. UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Asriadi. (2019). Komunikasi antara Budaya dalam Perspektif al-Qu'ran Surat al-Hujurat Ayat 13. *Jurnal Retorika Jurnal Kajian Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 1(1).
- Creswell. (2009). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*. Thousand Oaks: Sage.
- Daraini, F. (2019). *Nasionalisme dalam Perspektif Ibnu A'Syur (Kajian Ayat-Ayat Nasionalisme dalam Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir)*. Fakultas Usuluddin dan Filsafat, UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Hadiyyin, I. (2013). *Konsep Pendidikan Ukhuwah: Analisa Ayat-ayat Ukhuwah dalam al-Quran*. UIN Sultan Maulana Hasanuddin Banten.
- Harun, H. B., & Ali, H. B. (2021). Konsep Hifz an-Nafs (Pemeliharaan Nyawa) Berdasarkan Maqasid Shariah dalam Menghadapi Pandemi Covid-19. *International Conference On Syariah & Law2021 (ICONSYAL 2021) - Online Conference*, (hlm. 57-70). Didapatkan Julai 26, 2022, daripada <http://conference.kuis.edu.my/iconsyal/images/eprosiding/1006.pdf>
- Ibn 'Ashur, M. T. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir* (Jld. 1). Dar al-Tunisiyyah.
- Ibn Kathir. (2003). *Terjemahan Tafsir Ibnu Kathir* (ed. Kedua, Jld. 2). (A. Muhammad, Penterjemah) Pustaka Imam asy-Syafie.
- Ibn Manzur. (2012). *Lisan al-'Arab*.
- Ismatullah, A. (2018). Konsep Sakinah, Mawaddah dan Rahmah dalam al-Quran (Perspektif Penafsiran Kitab al-Quran dan Tafsirnya). *Jurnal Pemikiran Hukum Islam: Jurnal MAZAHIB*.
- Jalalayn. (2018). *Terjemahan Tafsir al-Jalalain* (ed. Pertama, Jld. 2). (B. A. Bakar, Penterjemah) Sinar Baru al-Gensindo.
- Masri, D. (2015). *Pemikiran Imam al-Sha'rawi mengenai Konsep Sakinah dalam Kekeluargaan Islam: Kajian Surah an-Nisa (Ayat 1-35)*. Universiti Sains Malaysia.
- Miles, B., & Huberman, M. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Source Book*. California: Sage.
- Mohamad, A. D., Hamjah, S. H., Mokhtar, A. I., & Ghani, M. Z. (2017). Tazkiyat al-Nafs dalam Kerangka Maqasid al-Shari'ah. *Al-Hikmah*, 9(2), 87-98. Didapatkan Julai 26, 2022, daripada <http://journalarticle.ukm.my/11204/1/252-1095-1-PB.pdf>
- Munawwir, A. W. (1996). *Al-Munawwir Kamus Arab-Indonesia Terlengkap*. Surabaya: Pustaka Progresif.
- Muti'atin Choliso, . (2018). *Analisis Pernikahan Dini dengan Tujuan Pernikahan dalam al-Quran Surat ar-Rum ayat 21 (Studi Kasus Desa Kajen Kecamatan Margoyoso Kabupaten Pati)*. IAIN KUDUS.
- Qutub, S. (1984). *Fi Zilal al-Qur'an* (Jld. 2). Beirut: Dar al-Shuruq.
- Rahayu, Y. (2021). *Patriotisme dalam Konsep Islam*. Indonesia : Guepedia.



- Raysuni, A. (1995). *Nazariyyah al-Maqasid 'Ind al-Imam al-Shatibi* (ed. Keempat). Herondon: Al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Rida, M. R. (2011). *Tafsir al-Manar* (Jld. 7). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Rosalina, Y. (2017). Masuknya Paradigma Interpretif pada Kajian Ilmu Akuntansi. *Jurnal Analisa Akuntansi dan Perpajakan*, 1(1), 51-62.
- Rosidin. (2018). *Keluarga Sakinah menurut Pentafsiran Quraish dalam Tafsir al-Misbah*. Kertas Kerja Kementerian Agama Republik Indonesia, Kantor Wilayah Provinsi Lampung.
- Sari, D. A., & Toriyono, M. D. (2022). Tinjauan Pendidikan Multikultural dalam al-Hujurat Ayat 13. *Ta'lim Diniyah: Jurnal Pendidikan Agama Islam (Journal of Islamic Education Studies)*, 2(2).
- Shihab, M. Q. (2001). *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran* (Jld. 2). Lentera Hati.
- Sulaeman, A. (2020). *Etika Politik Sufi (Studi Analisis Nilai dan Etika Politik Sufisme Tariqah Qadiriyyah Naqsabandiyah Suryalaya Tasikmalaya)*. Universitas Siliwangi.
- Thaidi, H. '., Rahman, M. F., Rahman, A. A., & Mansor, H. (2021). Pencapaian Maqasid Hifz al-Nafs Ketika Pandemi ke Arah Merealisasikan WKB 2030. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 "Wawasan Kemakmuran Bersama 2030"* (hlm. 432-435). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. Didapatkan Julai 26, 2022, daripada <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/14395/1/32.BM.%20SAIS2021%20-%20Pencapaian%20Maqasid%20Hifz%20Al-Nafs%20Ketika%20Pandemik%20Ke%20Arah%20Merealisasikan%20WKB%202030.pdf>
- Widhiyogo, G. (2013). Normativitis Perang dalam Islam. *Jurnal Politik Profetik*.
- Zubaidah, S., & Mat, M. Z. (2016). Konsep Sakinah, Mawaddah dan Rahmah sebagai Asas Kebahagiaan Rumah tangga menurut al-Quran: Suatu Analisis berdasarkan ayat 21 Surah ar-Rum. *Jurnal al-Bayan: Jurnal Pengajian al-Quran dan al-Hadis*.